

Ikan lumba-lumba selamat

» Mamalia sepanjang dua meter terdampar di Pulau Gandang

BH 27.12.2012 4

Oleh Amin Ridzuan Ishak
aminridzuan@bharian.com.my

► Tuaran

Tindakan pantas beberapa agensi kerajaan berjaya menyelamatkan seekor ikan lumba-lumba sepanjang kira-kira dua meter yang ditemui terdampar di Pulau Gandang, Teluk Selama berhampiran Kampung Serusop, dekat sini, semalam.

Ikan lumba-lumba yang belum diketahui spesies serta jantainya itu ditemui kira-kira jam 11 pagi oleh kakitangan Jabatan Perhutanan yang sedang melakukan rondaan di kawasan hutan bakau.

Penolong Pegawai Jabatan Perikanan negeri, Irman Ismail, berkata kakitangan Jabatan Perhutanan terbabit menemui ikan lumba-lumba itu terdampar dalam air sedalam 0.3 meter dan te-

“**Mamalia itu tidak mengalami sebarang kecederaan dan dibawa ke laut dalam bagi membolehkannya bernafas sebelum dibawa ke tangki di UMS untuk dipantau dalam satu tempoh tertentu**”

Irman Ismail,
Penolong Pegawai Jabatan Perikanan negeri

mui bagi menyelamatkannya. “Mamalia itu tidak mengalami sebarang kecederaan dan dibawa ke laut dalam bagi membolehkannya bernafas sebelum dibawa ke tangki di



Kakitangan Jabatan Hidupan Liar memindahkan ikan Lumba Lumba sepanjang kira-kira dua meter di Pulau Gandang, Teluk Selama berhampiran Kampung Serusop Tuaran.

rus menghubungi pihaknya.

“Sepasukan pegawai daripada Jabatan Perikanan, Jabatan Hidupan Liar dan wakil Universiti Malaysia Sabah (UMS) bergegas ke lokasi ikan lumba-lumba itu ditemui bagi menyelamatkannya.

“Mamalia itu tidak mengalami sebarang kecederaan dan dibawa ke laut dalam bagi membolehkannya bernafas sebelum dibawa ke tangki di

UMS untuk dipantau dalam satu tempoh tertentu.

“Ia akan dilepaskan semula ke laut selepas keadaannya bertambah baik,” katanya di sini, semalam.

Penemuan kali kedua

Ia adalah kali kedua penemuan mamalia itu di perairan Pantai Barat Selatan negeri ini dan kali pertama di Pulau Gandang.

Januari lalu, seekor ikan lumba-lumba sepanjang kira-kira dua meter ditemui terdampar di pantai Tanjung Aru berdekatan Shangri-La Tanjung Aru Resort di Tanjung

Aru, Kota Kinabalu.

Ikan lumba-lumba spesies paus pembunuh kerdil atau nama saintifiknya ‘Feresa attenuata’ ditemui ketika air surut kira-kira 20 meter dari tepi pantai kakitangan bahagian landskap dan keselamatan pusat peranginan berkenaan.

Perairan Teluk Cowie yang memisahkan tanah besar Tawau dan Pulau Sebatik di pantai timur Sabah adalah lubuk ikan lumba-lumba spesies Irrawaddy (Orcaella Brevirostris) dan lumba-lumba Indo-Pacific Humpback (Sousa Chinensis).